



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



ARAHAN

Baca dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam buku ini, fahamkan dan ambil semua tindakan yang berkaitan dengan segera.

Buku ini terdiri daripada 5 (LIMA) bahagian:

- Maklumat Am
- Maklumat Pendaftaran
- Maklumat Yuran
- Borang BHEP
- Senarai Semak

BAHAGIAN A :MAKLUMAT HARI PENDAFTARAN

Hari pendaftaran

TARIKH	19 NOV 2017 (AHAD)
MASA	8.30 pagi– 11.30 pagi
TEMPAT	POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU NO 64, JALAN SURIA 19,TAMAN PUTRA,81100 JOHOR BAHRU, JOHOR

BAHAGIAN B: MAKLUMAT AM

PENGENALAN

1. LATAR BELAKANG POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU

Politeknik Metro Johor Bahru (PMJB) mula beroperasi pada 1 April 2011. PMJB merupakan Politeknik Metro yang ketiga ditubuhkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selepas Politeknik Metro Kuala Lumpur dan Politeknik Metro Kuantan. Kini, Politeknik METrO telah bertambah dengan pembukaan dua lagi Politeknik METrO iaitu Politeknik METrO Betong Sarawak dan Politeknik Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Kewujudan Politeknik Metro melebarluaskan akses pendidikan dan latihan kepada lepasan SPM dan juga golongan yang sedang bekerja (*working adults*). Program pengajian yang akan ditawarkan oleh Politeknik Metro Johor Bahru bertujuan untuk memenuhi permintaan di sektor perkhidmatan. Sektor ini mengalami pertumbuhan pesat kini dan dijangka akan terus berkembang di masa akan datang. Menyedari potensi pertumbuhan sektor perkhidmatan dan sumbangannya kepada GDP negara, kerajaan melalui kerangka Model Baru Ekonomi (NEM) menasarkankan sektor ini menjadi *the engine of growth* untuk memacu dan melestari ekonomi negara. Premis tetap PMJB terletak di wilayah pembangunan Iskandar Malaysia. Iskandar Malaysia adalah koridor pembangunan yang menjadi *flagship economic project* kerajaan Malaysia. Sektor perkhidmatan adalah tonggak utama yang dominan dalam ekonomi Iskandar Malaysia. PMJB komited membangunkan modal insan inovatif dari kalangan warga Johor Bahru khususnya dan rakyat Johor amnya bagi menyokong sasaran aktiviti ekonomi Iskandar Malaysia.

Kursus yang ditawarkan di Politeknik Metro Johor Bahru :

- a) **Diploma In Islamic Banking & Finance**
- b) **Diploma In Logistics and Supply Chain**
- c) **Diploma In Entrepreneurship**

2. PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU (PMJB)

PMJB telah beroperasi di kampus baru bermula Februari 2013. Kampus PMJB kini telah berada di tengah-tengah bandaraya Johor Bahru hanya beberapa minit sahaja dari pusat Bandaraya Johor Bahru. Terletak di Taman Putra bersebelahan Pasaraya Giant Taman Suria, Johor Bahru. Sekiranya anda daripada Lebuhraya Utara-Selatan susur keluar ke Pandan dan pilih kearah Bandaraya Johor Bahru. Jarak perjalanan daripada susur keluar Pandan ke PMJB lebih kurang 5 km dan PMJB berada di sebelah kanan anda.



3. PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN

- Semakan dokumen asal akan dilakukan pada hari pendaftaran. **Bawa semua dokumen asal** yang telah dikehendaki oleh PMJB pada hari tersebut. **Pendaftaran anda akan ditolak sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut.**
- Pengarah Politeknik METRO Johor Bahru juga berhak menarik balik tawaran belajar sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke Politeknik.
- Lengkapkan semua borang (BHEP1,BHEP2,BHEP3,BHEP4,BHEP5,dan BHEP6) yang terdapat di laman web **www.politeknik.edu.my** sebelum diserahkan semasa hari pendaftaran.
- Sila lakukan pemeriksaan doktor menggunakan borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP2). Pemeriksaan doktor boleh dilakukan di hospital kerajaan atau klinik swasta.
- Sila buka Akaun Bank Islam (BIMB) untuk proses permohonan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

4. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

1. Politeknik METRO Johor Bahru **TIDAK MENAWARKAN KEMUDAHAN ASRAMA** kepada semua pelajar.
2. Bagi pelajar yang memerlukan kemudahan tempat tinggal, Politeknik METRO Johor Bahru hanya menyediakan senarai rumah atau bilik sewa. Pelajar boleh menyemak senarai pengusaha rumah sewa di laman web **www.pmjb.edu.my**. Sebarang urusan berkaitan tempat tinggal akan diuruskan sendiri oleh pelajar bersama penyewa.

5. BANTUAN KEWANGAN

Bagi memudahkan urusan yang berkaitan dengan biasiswa/pinjaman pendidikan, pelajar diminta menyediakan keperluan-keperluan berikut:-

PINJAMAN PTPTN

- 1) Membuka Akaun Bank Islam
- 2) Menyediakan **2 SALINAN DOKUMEN BERSAIZ A4** seperti berikut:
 - Kad pengenalan pelajar
 - Kad pengenalan ibubapa
 - Surat tawaran kemasukan ke politeknik
 - Slip/ Sijil keputusan peperiksaan SPM
 - Sijil politeknik atau transkrip & sijil keputusan peperiksaan SPM bagi pelajar lulusan politeknik
 - Penyata pendapatan @ slip gaji ibu/ bapa/ penjaga terkini
 - Sijil kematian ibu/ bapa atau surat sumpah (jika ibu/bapa tidak dapat dikesan) sekiranya berkaitan sahaja.
 - Maklumat akaun Bank Islam yang mana mengandungi nama, nombor akaun serta no. kad pengenalan pelajar (Salinan Pengesahan Akaun Bank Islam Malaysia Berhad)
 - Surat Akuan / Pengesahan ibubapa openerima bantuan Baitulmal atau Jabatan Kebajikan Masyarakat
- 3) Maklumat mengenai pinjaman PTPTN sila rujuk laman web <http://www.ptptn.gov.my>

Perhatian: Kesemua dokumen yang dinyatakan di atas **HENDAKLAH DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A @ Ketua Kampung @ Penghulu yang dilantik oleh kerajaan. Semua salinan dokumen-dokumen terbabit hendaklah dibawa ke politeknik dan disahkan oleh pensyarah atau penasihat akademik masing-masing.

PINJAMAN LAIN

Pelajar boleh memohon pinjaman/ biasiswa/ dermasiswa dari mana-mana institusi yang berkenaan dan perlu membuat permohonan sendiri ke institusi tersebut.

6. RUPADIRI PELAJAR

Semua pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Pindaan 1997 (Akta 174) dan semua peraturan bertulis di Politeknik. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang "menjolak mata" dan tidak menepati peraturan Politeknik adalah dilarang sama sekali.

6.1 Pakaian dan Rupa diri Pelajar Lelaki

A. Baju

- Baju kemeja berlengan panjang atau pendek
- Baju T berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian yang negatif.
- Baju perlu sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in) dan semua butang dikenakan dengan sempurna.
- Pemakaian baju Melayu (Baju Kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang dengan sampung dan songkok hitam.
- Bertali leher.

B. Seluar

- Seluar 'slack' panjang.
- Seluar 'jeans' tidak dibenarkan.

C. Kasut

- Pelajar hendaklah memakai kasut yang sesuai untuk kerja di pejabat dan memakai sarung kaki dengan sempurna.
- Kasut sukan dibenarkan.
- Pemakaian selipar, terompah, capal dan seumpamanya dilarang semasa pelajar berada dalam kampus PMJB.

D. Rambut

- Rambut sentiasa pendek dan kemas. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.

E. Perhiasan

- Pelajar dilarang memakai sebarang bentuk perhiasan kecuali bagi keperluan agama.

6.2 Pakaian dan Rupa diri Pelajar Perempuan

A. Baju

- Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.
- Memakai **tudung berwarna oren** pada hari pendaftaran.
- Pakaian yang menjolok mata dilarang (contoh pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang).
- Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai kepergelangan tangan.
- Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- Pelajar bukan Islam dilarang memakai 'skirt' yang pendek dari paras lutut.
- Baju-T berkolar bulat dilarang.

B. Sarung/Maxi

- Pakaian berbentuk sarung/maxi mestilah labuh, longgar dan tidak jarang.

C. Seluar

- Pelajar perempuan boleh memakai seluar 'slack' panjang yang tidak ketat serta tidak menjolok mata.
- Seluar 'jeans' dilarang.

D. Kasut

- Pelajar hendaklah memakai kasut yang sesuai semasa menghadiri kuliah, berurusan di pejabat dan memakai sarung kaki dengan sempurna.
- Kasut sukan dibenarkan.
- Pemakaian selipar, terompah, capal dan seumpamanya dilarang semasa pelajar berada dalam kampus PMJB (kecuali di asrama).

E. Rambut

- Pelajar Islam WAJIB berpakaian yang menutup aurat (contoh bertudung) seperti yang disyariatkan Islam.
- Rambut hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- Rambut fesyen seperti 'afro', 'punk', berekor, diwarnakan atau seumpamanya adalah dilarang.

F. Perhiasan

- TIDAK digalakkan memakai barang kemas dan solekan yang berlebihan.

7. HAL-HAL LAIN

- Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian sukan atau lain yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat cara berpakaian.
- Pelajar Islam dikehendaki membawa senaskah Al-Quran dan pakaian bersolat yang lengkap.
- Sekiranya memiliki mesin kira (calculator) saintifik, ia hendaklah dari jenis yang tidak boleh diprogramkan.
- Jika ibu/bapa atau penjaga berkerja dalam sektor awam atau swasta, sila bawa salinan Borang J (Cukai Pendapatan – jika ada) untuk tujuan biasiswa/ pinjaman pelajaran yang berkaitan.

BAHAGIAN C: MAKLUMAT BAYARAN YURAN

KAEDAH BAYARAN YURAN BAGI PELAJAR BARU

Terdapat Dua (2) jenis yuran yang perlu dijelaskan oleh pelajar baru. Yuran-yuran tersebut adalah seperti berikut :

- i. Yuran Pengajian – RM 200.00 (16018010017541) Bank Islam
 - ii. Bayaran Pelbagai – RM 600.00 (01014010055410) Bank Islam
- i. Bayaran yuran pengajian RM200.00 boleh dijelaskan di mana-mana cawangan Bank Islam yang berdekatan dengan tempat kediaman pelajar mengikut langkah berikut

A PERBANKAN INTERNET

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam
4. Pilih "Bil Presentment" pada bahagian "Bil Payment"
5. Pilih POLITEKNIK KPT pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang dibayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan disahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan
10. Klik "Confirm" untuk meneruskan pembayaran atau sebaliknya
11. Skrin berikut akan menunjukkan maklumat bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan maklumat bayaran yang dilakukan sebagai rujukan

B MESIN ATM BANK ISLAM

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

C. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

- ii. Bagi pembayaran yuran Bayaran Pelbagai perlu dibuat menggunakan slip pembayaran dimana-mana cawangan bank islam seperti imana contoh dibawah :

BAYARAN PELBAGAI



SLIP PEMBAYARAN BIL / BILL PAYMENT SLIP

Bank Islam Malaysia Berhad No. 9127

NAMA: AHMAD XXXXXXXX BIN XXXXXXXX
 NO. KP: 90XXXXXXXX NO TEL: TARIPOH
 IC No: 90XXXXXXXX Bil. No: Date:

BAYAR KE: KOPERASI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU BERHAD
 JENIS PEMBAYARAN: BAYARAN PELBAGAI
 NO. BIL / NO. AKAUN: 0101401055410
 Ref No. / Bill Acc. No: 0101401055410

WANG TUNAI / Cash: RM 600.00
 DEBIT AKAUN / Account Debited: RM
 JUMLAH DIBEBIT / Debited Amount: RM

BANK: NO. CEK: TEMPAT: RM: SEN:
 Bank: Cheque No.: Place: RM: SEN:

SILA PASTIKAN NO. RUJ. ATAU NO. AKAUN BIL DITULIS DI BELAKANG CEK
 Please ensure your Ref. No. or Bill Acc. No. is written on the back of your cheque

PASTIKAN NOMBOR AKAUN ADAJAH TEPAT:
 0101401055410

CEK DITENJAJA UNTUK PUNJUTAN BAHAGI
 Cheques are accepted for collection only
 BILA DIHAWANJUR BAWANG SERTA BERTAMBAH
 AND MUST BE BROUGHT WITH THE FOLLOWING
 NO. BIL / NO. AKAUN BIL: 0101401055410
 Ref No. / Bill Acc. No: 0101401055410

CONTOH

Isikan nombor MyKAD anda

Masukkan jumlah Bayaran Pendaftaran

OFFICER'S VERIFICATION

ASB 380X-1 No: J 333568

BAHAGIAN D: BORANG BHEP 1-6



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

POLITEKNIK

METRO Johor Bahru

Jabatan Pengajian Politeknik

BAHAGIAN B : (Sila tandakan dalam kotak berkenaan / *Please tick the relevant box*)

PENGAKUAN PERIHAL PENYAKIT SENDIRI DAN KELUARGA (Certification of Own And Family Illness)			
Jenis Penyakit / <i>Ailments or illness</i>	Sendiri (<i>Self</i>)	Keluarga (<i>Family</i>)	Kalau "ada" nyatakan rawatan yang diterima / <i>If "Yes" please state treatment received</i>
Penyakit teruk / <i>Serius illness</i>			
Pembedahan / <i>Surgery</i>			
Batuk Kering / <i>Tuberculosis</i>			
Kencing Manis / <i>Diabetes</i>			
Penyakit Otak / <i>Mental Illness</i>			
Penyakit Jantung / <i>Heart Disease</i>			
Lelah / <i>Asthma</i>			
Alahan / <i>Allergy</i>			
Penagihan Dadah / <i>Drug Addiction</i>			
HIV / <i>AIDS</i>			
Kanser / <i>Cancer</i>			
Buah Pinggang / <i>Kidney Disease</i>			
Kecacatan Anggota / <i>Deformities</i>			
Lain-Lain Penyakit / <i>Others</i>			

Saya dengan ini mengaku segala maklumat yang dilengkapkan di Bahagian A dan B adalah benar /
I hereby certify that the above information that have given in part A and B is correct.

.....
Tandatangan Pemohon
(*Signature of Candidate*)

Tarikh / Date : - -



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

POLITEKNIK

METRO Johor Bahru
Jabatan Pengajian Politeknik

BAHAGIAN C : (Untuk dilengkapkan oleh doktor yang memeriksa / *To be completed by examining doctor*)

1. Pemeriksaan Umum / General Examination

- i. Tinggi / *Height* (cm): ii. Berat / *Weight* (kg): iii. Nadi / *Pulse*:
- (seminit)
- iv. Tekanan Darah / *Blood Pressure* (mmHg):

2. Pemeriksaan Anggota Tubuh / Examination of Body Figure
(Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan/ *Please tick (✓) the relevant box*)

Jenis Pemeriksaan (<i>Types of Examining</i>)	Kanan (<i>Right</i>)	Kiri (<i>Left</i>)	Catatan (<i>Statement</i>)
Penglihatan mata tanpa kacamata / <i>Unaided Vision</i>			
Penglihatan mata dengan kacamata / <i>Aided Vision</i>			
<i>Fundoscopy</i>			
Rabun Warna / <i>Color Blindness</i>			

Jenis Pemeriksaan (<i>Types of Examining</i>)	NORMAL	ABNORMAL	Catatan (<i>Statement</i>)
Pemeriksaan Telinga / <i>Examination of Ears</i>			
Ruang Mulut / <i>Oral Cavity</i>			
Jantung / <i>Heart</i>			
Sistem Respiratori / <i>Respiratory System</i>			
* X - Ray			
Abdomen & Rongga Hernia / <i>Abdomen & Hernial Orifices</i>			
Sistem Saraf / <i>Nervous System</i>			
Organ Penghadaman / <i>Digestive Organ</i>			
Keadaan dan Kecerdasan Otak / <i>Mental Condition and Intelligence</i>			
Rangka Tulang dan Sendi / <i>Skeleton Bones and Joints</i>			
Kulit / <i>Skin</i>			
Kecacatan / <i>Deformities</i>			
Sistem Muskuloskeletal / <i>Musculoskeletal System</i>			
Pemeriksaan Air Kencing / <i>Examination of Urine :</i>			
a. Gula / <i>Sugar</i>			
b. Albumin			
Lain-lain / <i>Others</i>			

* x-ray tidak perlu dibawa semasa hari pendaftaran. Hanya laporan x-ray sahaja.



KEBENARAN IBUBAPA / PENJAGA UNTUK RAWATAN PEMBEDAHAN

Pengarah,

**Politeknik METrO Johor Bahru,
 No 64, Jalan Suria 19, Taman Putra
 81100 Johor Bahru, Johor.**

Saya
 (Nama Bapa / Ibu / Penjaga) *

Nombor Kad Pengenalan :bapa / ibu / penjaga * kepada
 pelajar bernama
 (Nama Pelajar)

yang ditawarkan pengajian / sedang belajar di **Politeknik METrO Johor Bahru**, dengan ini memberi kuasa kepada tuan atau wakil tuan untuk menandatangani kebenaran bagi pihak saya jika pada pandangan doktor, calon ini memerlukan rawatan bius (anaesthesia) atau/dan pembedahan, sedangkan saya tidak dapat hadir pada masa yang diperlukan.

Saya juga tidak akan mendakwa atau mengambil sebarang tindakan terhadap **Politeknik METrO Johor Bahru** sekiranya berlaku sebarang kemungkinan yang timbul daripada prosedur tersebut.

- | | | |
|--------------------------------------------------------------|---|----------------------|
| 1. Telefon Rumah | : | <input type="text"/> |
| 2. Telefon Bimbit | : | <input type="text"/> |
| 3. Telefon Pejabat | : | <input type="text"/> |
| 4. Telefon waris/jiran | : | <input type="text"/> |
| 5. Telefon Balai Polis/Penghulu/
Ketua Kampung/Penggawa * | : | <input type="text"/> |

Disahkan Oleh :

Tandatangan Bapa/Ibu/Penjaga*
 Nama :
 No. K/P:
 Tarikh :

Disaksikan Oleh :

Tandatangan Saksi**
 Nama :
 No. K/P:

Tarikh :

* potong yang mana tidak berkaitan

** saksi mestilah terdiri daripada kakitangan Kerajaan Kumpulan A / Penghulu /Wakil Rakyat





IKRAR PELAJAR DAN LEPAS TANGGUNG

A. IKRAR DAN PENGAKUAN

Bahawa sesungguhnya saya _____ No. Kad Pengenalan : _____
dengan ini

- i) Berikrar akan mengikuti segala peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh **Politeknik METrO Johor Bahru** dari masa ke semasa sepanjang pengajian saya.
- ii) Berikrar tidak akan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang akan mencemar nama baik **Politeknik METrO Johor Bahru** sepanjang pengajian saya.
- iii) Mengaku bahawa saya tidak pernah diberhentikan pengajian oleh mana-mana institusi pengajian tinggi awam atau swasta atas sebab **KESALAHAN TATATERTIB atau JENAYAH**.

Jika saya didapati melanggar ikrar atau pengakuan tersebut, saya sedia menerima sebarang hukuman yang diputuskan oleh **Politeknik METrO Johor Bahru**, termasuk diberhentikan pengajian pada bila-bila masa. Saya atau ibubapa atau penjaga saya atau mana-mana pihak tidak akan membuat sebarang bantahan ke atas hukuman yang diambil terhadap saya.

B. LEPAS TANGGUNG

1. Saya sebagai seorang pelajar Politeknik perlu mengikuti semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan sepanjang pengajian saya di Politeknik. Aktiviti ini termasuk juga latihan industri, lawatan sambil belajar dan sebarang aktiviti di bawah anjuran Politeknik dari masa ke semasa.

2. Saya faham bahawa semasa menjalani semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan, sekiranya berlaku kecederaan pada diri saya dan/atau kehilangan atau kerosakan pada harta benda, ianya adalah tanggungjawab saya sendiri. Saya dan ibubapa/penjaga saya tidak akan membuat sebarang aduan, bantahan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut. Maka dengan ini saya melepaskan tanggungan **Politeknik METrO Johor Bahru** dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan wakil-wakilnya, kakitangan dan pekerja-pekerja daripada dan terhadap segala tindakan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut.

Selepas membaca maklumat/keterangan perkara A dan B di atas, saya sepertimana nama dan nombor kad pengenalan yang tercatat di atas, **amat jelas, faham** serta **bersetuju** dengan semua peraturan yang dicatat/ dinyatakan di dalam perenggan/ perkara A dan B.

Dipersetujui Oleh:

.....
Tandatangan Pelajar
Tarikh:

Disaksikan Oleh:

.....
Tandatangan Saksi
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Disahkan Oleh:

.....
Tandatangan Bapa/Ibu/Penjaga*
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Cop Jawatan/Pekerjaan

* potong yang mana tidak berkaitan



AKUAN PELAJAR

Saya _____ No KP: _____

Dengan sesungguhnya sedar bahawa saya mendaftar sebagai pelajar **Politeknik METrO Johor Bahru** dan selagi saya masih sebagai pelajar **Politeknik METrO Johor Bahru**, maka saya adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis **Politeknik METrO Johor Bahru** dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) serta pindaan-pindaannya.

Tarikh :
(Tandatangan Pelajar)

Disahkan Oleh: Disaksikan Oleh:
(Tandatangan Iubapa/ Penjaga*) (Tandatangan Saksi)

Nama : Nama:

No Kad Pengenalan :
(Cop Jawatan)

Tarikh: Tarikh:

AKUAN IBUBAPA/PENJAGA

Saya *ibu/ bapa/ penjaga pelajar yang tersebut di atas bersetuju dan berjanji bahawa kami tidak akan membuat bantahan atas sebarang tindakan yang diambil oleh **Politeknik METrO Johor Bahru** terhadap anak/ jagaan saya berhubung dengan kes-kes pelanggaran peraturan-peraturan bertulis Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib). 1976 (Akta 174) serta pindaan-pindaannya.

Disahkan Oleh: Disaksikan Oleh:
(Tandatangan Iubapa/ Penjaga*) (Tandatangan Saksi)

Nama : Nama:

No Kad Pengenalan :
(Cop Jawatan)

Tarikh: Tarikh:

* potong yang mana tidak berkaitan



AKU JANJI PELAJAR

Saya No. Kad Pengenalan dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi semua undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar **Politeknik METRO Johor Bahru** yang selepas ini disebut "Institusi" semasa kesemua sepanjang saya menjadi seorang pelajar Institusi. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:-

- (a) Akan mematuhi subseksyen 10(1) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta174) untuk tidak menjadi ahli, atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain, sama ada atau tidak ianya ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ianya di dalam Institusi atau di bawah Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri Pendidikan;
- (b) Akan mematuhi subseksyen 10(3) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 untuk menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bingkangan terhadap mana-mana parti atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram;
- (c) Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976 termasuk :-
 - (i) Tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan-larangan am, yang antara lain termasuklah -
 - (A) Tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan dan nama baik Institusi, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Institusi;
 - (B) Tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada ketenteraman atau keselamatan awam, akhlak, kesopanan atau tatatertib; dan
 - (C) Tidak akan melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus;
 - (ii) Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, latihan amali, pakaian dan penampilan diri, menduduki peperiksaan, sekatan mengenai penggunaan teks kuliah;
 - (iii) Peruntukan berkenaan dengan mengorganisasi perhimpunan, penggunaan pembesar suara, panji-panji dan plakad-plakad;
 - (iv) Peruntukan berkenaan dengan penerbitan, pembahagian dan pagedaran dokumen-dokumen;
 - (v) Peruntukan berkenaan dengan aktiviti pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam apa-apa pekerjaan;
 - (vi) Peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum atau memiliki minuman keras, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
 - (vii) Peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus, kawasan larangan dan kad pelajar.
- (d) Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976; dan
- (e) Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib lalulintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan berkenaan, termasuklah disingkirkan daripada Institusi.

.....
(Tandatangan Pelajar)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Pelajar :

Nama Saksi :

No. Pendaftaran :

Jawatan :

Program :

Tarikh :

Tarikh :

** Saksi pelajar terdiri daripada **Pegawai Institusi (Politeknik METRO JB)** yang menyaksikan pelajar menandatangani Aku Janji Pelajar ini.

BAHAGIAN E : SENARAI SEMAK

Semak dan tandakan (√) pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda sebelum hadir mendaftar di Politeknik Metro Johor Bahru pada **tarikh yang telah dimaklumkan**.

DOKUMEN ASAL

1. Kad Pengenalan
2. Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik
3. Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SMPV/ Sijil akademik yang lain
4. Sijil Berhenti Sekolah
5. Sijil Kokurikulum yang berkaitan (terutamanya yang mewakili negara dan negeri)
6. Surat Akuan/ Testimonial sekolah (jika berkaitan)

SLIP BAYARAN

1. Slip Bank Islam – YURAN PENGAJIAN
2. Slip Bank Islam – BAYARAN PELBAGAI

BORANG PENDAFTARAN

1. Borang-borang Pendaftaran (BHEP1 hingga BHEP6) yang telah lengkap diisi dan semua diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib/ aturan (**Bawa Semasa Hari Pendaftaran**)

--

GAMBAR

1. Gambar warna yang terkini berukuran passport 8 keping

--

DOKUMEN- PINJAMAN PTPTN (2 salinan beserta DISAHKAN- sekiranya memohon)

1. Surat Tawaran Kemasukan Politeknik
2. Slip/ Slip SPM
3. Sijil Berhenti Sekolah
4. Sijil-sijil Kokurikulum
5. Kad Pengenalan Pelajar
6. Kad Pengenalan Ibumapa/ Penjaga
7. Borang J (Penyata Pendapatan Ibumapa) Slip Gaji/ Pengesahan Gaji
8. Tiga (3) salinan Buku Akaun Bank Islam (BIMB)
9. Salinan sijil nikah (bagi pelajar yang dah berkahwin)

**PASTIKAN SEMUA SALINAN YANG DIBUAT/DISERTAKAN TELAH DISAHKAN TERLEBIH DAHULU
SELAMAT DATANG DAN MENDAFTAR KE POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU**